



AKTIVITI KOMUNITI DI HOT FM

JOM MASUK U 2025 ZON SELATAN

📅 8 APRIL 2025



Program jerayawara pendidikan tinggi negara, Jom Masuk U 2025 (JMU 2025) Zon Selatan bakal berlangsung pada 26 dan 27 April bertempat di Dewan Canselor, Kampus Induk, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Durian Tunggal, Melaka.

Orang ramai, ibu bapa, kumpulan pelajar yang menduduki peperiksaan dan tentunya kumpulan pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), Matrikulasi, Asasi, Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dan diploma atau setarafnya dijemput hadir bagi mendapatkan lanjut program pendidikan yang ditawarkan di IPTA, IPTS, Politeknik, Kolej Komuniti (KK) serta MARA.

Pelbagai aktiviti menarik turut diadakan dan masuk adalah percuma.